

29 NOV 2002

PERDANA MENTERI BERBUKA PUASA DENGAN ANGGOTA MT UMNO

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berbuka puasa bersama anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno dan anggota parti di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Majlis berbuka puasa itu diadakan selepas mesyuarat MT yang diadakan di ibu pejabat Umno.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selepas berbuka, Dr Mahathir bersama-sama anggota MT dan jemputan lain berjemaah menunaikan solat Maghrib, Isyak dan sunat Tarawih.

-- BERNAMA

NN RZS MOZ